

Ayat Penyata

Ayat penyata adalah ayat untuk menyatakan sesuatu atau memberi keterangan.
Ayat penyata ada dua:

1. Ayat Tunggal

- a. Ayat tunggal terdiri daripada **satu subjek** dan **satu predikat**.
- b. Ayat ini juga dikenali sebagai **ayat mudah** atau **ayat selapis**.

Contoh : **Lelaki itu sedang menembak burung.**

Subjek = Lelaki

Predikat = sedang menembak burung

2. Ayat Majmuk

- a. Ayat Majmuk ialah ayat yang mempunyai **dua** atau **lebih ayat tunggal**. Ianya disambungkan dengan **Kata Hubung** seperti dan, atau, kecuali, tetapi, sambil dan lain-lain.

Contoh : A) **Razak mengambil sebuah buku cerita.** (**Ayat Tunggal**)

B) **Razak membaca buku itu.** (**Ayat Tunggal**)

C) **Razak mengambil sebuah buku cerita lalu membaca buku itu.**
(**Ayat Majmuk**)

A) **Ayah membaca surat khabar.** (**Ayat Tunggal**)

B) **Ayah menonton televisyen.** (**Ayat Tunggal**)

C) **Ayah membaca surat khabar sambil menonton televisyen.**
(**Ayat Majmuk**)

Latihan :

Nyatakan jenis Ayat Penyata di bawah ini.

1. Arif suka menonton perlawanan bola di stadium. _____
2. Mardinah dan Affizah sering pergi ke perpustakaan. _____
3. Rumah yang besar itu kepunyaan Aina. _____
4. Setiap hari Waie pergi ke sekolah menunggang basikal. _____
5. Semua murid berada di dalam dewan kecuali Adam. _____
6. Ibu bapanya begitu bangga atas kejayaannya. _____
7. Syasya dan Khadizah akan berasa kecewa jika mereka gagal mendapatkan hadiah itu. _____
8. Budak itu sangat pintar tetapi pemalas. _____